

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-35
(Karya Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali)
Kuliah Maghrib kali ke- 119
Surau An-Nur, Sungai Nyior, Trong, Perak

Penipuan tentang samanya perdebatan itu dengan musyawarah para sahabat dan bertukar fikiran ulama salaf.

Ketahuiilah bahawa golongan tersebut kadang-kadang menjerumuskan manusia ke dalam fahamannya dengan mengatakan : “Sesungguhnya maksud kami dari perdebatan itu ialah mencari kebenaran supaya kebenaran itu nyata, kerana kebenaranlah yg dicari.”

Akan tampak kepada anda penipuan itu dengan apa yang akan aku terangkan ini, iaitu benar, sesungguhnya bertolong-tolongan mencari kebenaran itu sebahagian dari agama, tetapi mempunyai syarat dan tanda yang delapan macam.

PERTAMA – Bahawa tidak bekerja mencari kebenaran yang termasuk dalam fardhu kifayah itu **orang-orang yang belum lagi menyelesaikan fardhu 'ain.**

Dan orang yang masih berkewajipan dengan sesuatu fardhu 'ain lalu mengerjakan fardhu kifayah dengan dakwaan bahawa maksudnya tujuannya benar, adalah pendusta.

Contohnya, seumpama orang yang meninggalkan solatnya sendiri, bekerja menyediakan kain dan menjahitnya dengan mengatakan : “Sesungguhnya maksudku hendak menutup aurat orang yang solat bertelanjang dan tidak memperoleh kain.”

Yang jelas, orang-orang yang asyik bertengkar itu menyia-nyiakan urusan yang telah disepakati atas fardhu 'ainnya.

KEDUA – Jika ia melihat ada **sesuatu yang lebih penting** lalu mengerjakan yang lain maka berdosa ia dengan sikapnya itu.

Contohnya seumpama orang yang melihat serombongan orang kehausan yang hampir binasa dan tak ada yang menolongnya. Orang tadi sanggup menolong dengan memberikan air minum tetapi dia pergi berbekam dengan mendakwakan bahawa pelajaran berbekam itu termasuk fardhu kifayah, dan kalau kosong negeri dari pengetahuan berbekam maka akan binasalah manusia.

Maka peristiwa orang yang pergi mempelajari berbekam dan menyia-nyiakan nasib nasib orang yang yang menghadapi bahaya kehausan itu, dari orang muslimin, samalah halnya dengan peristiwa orang yang asyik mengadakan perdebatan sedangkan dalam negeri terdapat banyak fardhu kifayah yang disia-siakan, tak ada yang mengerjakannya. Tentang fatwa, maka telah bangun segolongan manusia melaksanakannya.

Tidak ada satu negeri pun yang di dalamnya fardhu kifayah yang tidak disia-siakan. Dan para ulama fiqh tidak menaruh perhatian kepadanya.

Contoh yang paling dekat ialah ilmu kedokteran. Hampir seluruh negeri tidak didapati seorang doktor muslim yang boleh dipegangi kesaksiannya mengenai sesuatu yang dipegang pada agama atau adpis doktor. Dan tidak ada seorang pun daripada ahli fiqh yang suka bekerja dalam lapangan kedokteran.

Begitu pula amar ma'ruf dan nahi munkar, termasuk dalam fardhu kifayah. Kadang-kadang seorang pendebat dalam majlis perdebatan

melihat sutera dipakai dan dipasang pada tempat duduk. Dia tinggal berdiam diri dan terus berdebat dalam persoalan, yang sekalipun tidak pernah terjadi. Kalau terjadi pun maka bangunlah serombongan fuqaha' menyelesaikannya.

Bahawa orang bertanya kepada Nabi saw :

“Bilakah amar ma’ruf dan nahi munkar itu ditinggalkan orang?”

Maka menjawab Nabi saw : ***“Apabila telah lahir sifat berminyak air dalam kalangan orang pilihan dari kamu, dan perbuatan keji dalam kalangan orang jahat dari kamu, dan berpindah pemerintahan dalam kalangan orang-orang kecil dari kamu, dan fiqh dalam kalangan orang-orang yang hina dari kamu.”*** (Ibnu Majah, sanad hasan)

KETIGA – Bahawa adalah **seorang pendebat itu mujtahid**, berfatwa dengan fatwanya sendiri, tidak dengan Mazhab Syafi'i, Abu Hanifah dan lainnya. Sehingga apabila lahirnya kebenaran dari Mazhab Abu Hanifah, maka ditinggalkannya yang sesuai dengan pendapat Asy-Syafi'i dan berfatwalah dia menurut kebenaran itu seperti yang diperbuat para sahabat dan para imam.

Adapun orang yang tidak dalam tingkat ijtihad dan memang begitulah keadaan orang sekarang, maka berfatwalah dia dalam persoalan yang ditanyakan kepadanya menurut mazhab yang dianutnya. Kalau ternyata lemah mazhabnya, maka tak boleh ditinggalkannya.

Dari itu, apakah faedahnya dia mengadakan perdebatan sedangkan mazhabnya sudah dikenal dan dia tidak boleh berfatwa dengan yang lain?

Kalau ada perbahasannya mengenai persoalan yang mempunyai dua pendapat atau dua qaul dari yang empunya mazhab itu sendiri, maka dalam hal ini dapat meragukan baginya. Mungkin dia berfatwa dengan

salah satu dari dua pendapat itu, kerana sepanjang penyelidikannya, dia condong kepada yang satu itu. Maka tidak adalah sekali-kali jalan untuk berdebat dalam hal tersebut.

KEEMPAT – Bahawa tidak diperdebatkan selain dalam **persoalan yang terjadi** atau biasanya akan terjadi dalam masa dekat. Kerana para sahabat tidak mengadakan musyawarah selain dalam perkara yang selalu terjadi atau biasanya terjadi, seumpama persoalan warisan.

KELIMA – Bahawa perdebatan itu lebih baik diadakan **pada tempat yang sepi** daripada di hadapan orang ramai dan di muka para pembesar dan para penguasa. Pada tempat yang sepi, pemikiran itu dapat dipusatkan dan lebih layak untuk memperoleh kejernihan hati, fikiran dan kebenaran.

Kalau di muka umum, dapat menggerakkan ria, mendorong masing-masing pihak untuk menjadi pemenang, benar dia atau salah.

Kalau di tempat yang sepi, masing-masing mahu memberikan kesempatan waktu kepada kawannya untuk berfikir dan berdiam diri. Kadang-kadang dimajukan saran dan dibiarkan tidak menjawab dengan cepat.

Tetapi apabila di muka umum atau di hadapan pertemuan besar, masing-masing pihak tidak mahu meninggalkan kesempatan, sehingga mahu dia saja yang berbicara.

KEENAM – Bahawa dalam mencari kebenaran itu, tak ubahnya **seperti orang mencari barang hilang**. Tak berbeza antara diperolehnya sendiri atau orang lain yang menolongnya.

Dia memandang temannya berdebat itu penolong, bukan musuh. Diucapkannya terima kasih waktu diberitahukannya kesalahan dan dilahirkannya kebenaran.

Seumpama kalau dia mengambil jalan mencari barangnya yang hilang, temannya memberitahukan bahawa barang yang hilang itu berada pada jalan yang lain, lalu temannya memberitahukan bahawa barang yang hilang itu berada pada jalan yang lain. Tentu akan diucapkannya terima kasih, bukan dimakinya. Tentu akan dimuliakannya dan disambutnya dengan gembira.

Demikianlah adanya musyawarah para sahabat Nabi saw itu. Lihatlah tukang-tukang berdebat masa kita sekarang ini, apabila kebenaran itu datang dari mulut lawannya, maka hitamlah mukanya. Dia berasa malu dan berusaha sekuat tenaganya menentang kebenaran tadi. Dan betapa pula dicacinya terus-menerus selama hidupnya, orang yang telah mematahkan keterangannya itu.

Kemudian tidak pula malu menyamakan dirinya dengan para sahabat tentang bekerja sama dan tolong-menolong mencari kebenaran.

KETUJUH – Jangan dilarang teman yang berdebat berpindah dari satu dalil ke lain dalil, dan dari satu persoalan ke lain persoalan. Demikianlah adanya perdebatan ulama salaf pada masa yang lampau.

Bertele-tele majlis perdebatan itu dengan bersoal dan menjawab. Pihak yang mengatakan dia tahu tetapi tidak bersedia menerangkannya, beralasan tidak perlu, adalah bohong, membohongi agama.

Kerana bila sebenarnya dia tidak tahu tetapi mengatakan tahu supaya lawannya lemah, maka dia adalah seorang fasiq pendusta, durhaka kepada Allah dan berbuat yang dimarahi Allah dengan mengatakan tahu, padahal tidak.

Kalau benar dia tahu, maka dia menjadi seorang fasiq kerana menyembunyikan apa yang diketahuinya dari ilmu agama, sedang saudaranya seagama telah bertanya untuk mengerti dan mengetahuinya.

Dari itu katanya : “Tidak perlu bagi saya menyebutkannya”, adalah berlaku perkataan itu dalam perdebatan yang diadakan untuk memenuhi hawa nafsu dan ingin mencari jalan untuk meelpaskan diri.

KELAPAN – Bahwa perdebatan itu diadakan dengan orang yang diharapkan ada faedahnya bagi orang itu, seperti orang yang sedang menuntut ilmu.

Biasanya sekarang orang menjaga jangan sampai berdebat dengan tokoh-tokoh yang terkemuka dalam lapangan ilmu pengetahuan, kerana takut nanti lahir kebenaran dari mulut mereka. Dari itu dipilih dengan orang yang lebih rendah ilmunya, kerana mengharap yang batil bisa laris.

PENUTUP

Di balik syarat-syarat tersebut, ada beberapa syarat lagi yang penting juga. Tetapi dengan syarat yang delapan itu, cukuplah kiranya memberi petunjuk kepada anda, siapa kiranya yang berdebat kerana Allah dan siapa yang berdebat kerana sesuatu maksud.

